



E - BULETIN

SPRM

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

LAPORKAN RASUAH

1-800-88-6000



Bebas • Telus • Profesional

SPRM Bil 1/2017

ISSN : 1675 -5170

GERAKAN GERAKAN REVOLUSI ANTI RASUAH



Ikuti kami :



www.macc.fm



@SPRMCommunity



facebook.com/SPRM



@SPRMMalaysia



www.sprm.gov.my



flickr.com/photos/ourdifferentview



www.ourdifferentview.com



youtube.com/user/ODVMACC

KANDUNGAN

PENA PENGARANG	2
PERUTUSAN KP	3
KONTI MACC (DATO AZAM).....	4
KONTI MACC (DATO SHAMSHUN).....	5
BERITA DARI AKHBAR	8
LENSA	10
Pengenalan Ikrar Bebas Rasuah	12
PENCEGAHAN (IBR)	13
ALL SPRM	14
ARTIKEL – Charles Ponzi	16

Pena Pengarang

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ



Assalamualaikum WBT,
Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Perangi
Rasuah.

Tahun 2017 akan menggerakkan transformasi modal insan SPRM bila mana tenaga kerja akan digembeleng ke arah yang menyuntik elemen inovatif dan kreatif dalam pelaksanaan tugas. Untuk mencapai hasrat tersebut, pendekatan strategik dan holistik serta pelan pra-tindakan (proactive) diperlukan untuk memastikan SPRM terus menjadi agensi terunggul apatah lagi apabila berdepan dengan ekonomi yang suram.

Kecemerlangan SPRM sudah pasti akan diteruskan ke tahap lebih tinggi. Pada tahun ini, SPRM pastinya akan meningkatkan lagi usaha dalam membendung jenayah rasuah dan ketirisan serta membersihkan sektor awam dan GLC, dengan menekankan budaya bebas rasuah. Usaha ini jelas dilihat dengan operasi penguatkuasaan SPRM yang begitu kerap dan berterusan.

Pada masa yang sama, SPRM pada tahun ini telah memperkenalkan Ikrar Bebas Rasuah (Corruption Free Pledge) yang merupakan satu inisiatif baharu pencegahan. Ia adalah suatu manifestasi yang jelas dalam usaha mendapatkan sokongan serta komitmen berterusan ke arah negara bersih dan bebas daripada belenggu jenayah rasuah.

Pada tahun ini juga Sambutan Jubli Emas SPRM bakal disambut pada 1 Oktober serta penghijrahan ke bangunan SPRM baharu juga akan mencatatkan satu detik signifikan dalam sejarah SPRM.

Walaupun berbangga di atas pencapaian SPRM selama lima dekad, namun dengan kemunculan cabaran jenayah rasuah yang kini merentasi sempadan serta ancaman keganasan dan jenayah terancang, SPRM perlu bertindak mengikut perubahan setara antarabangsa. Secara tidak langsung, pegawai SPRM perlu lebih inovatif dan kreatif dalam menangani isu-isu pencegahan rasuah yang bercorak.

Akhir kata, ayuh warga Malaysia! Kita bulatkan tekad dan hadapi apa juar halangan dan ujian yang mendatang dengan semangat sehati sejiwa membanteras jenayah rasuah di negara ini. Semoga tahun 2017 membawa kejayaan yang lebih bermakna kepada SPRM dan negara yang tercinta

Dato' Hj. Abdul Samat bin Kasah
[Penasihat Eksekutif Editorial]



GERAKAN REVOLUSI ANTI RASUAH

Petikan Kata-Kata Amanat oleh Datuk Dzulkifli bin Ahmad
Ketua Pesuruhjaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
di Majlis Perhimpunan Bulanan SPRM, Majlis Penyampaian Anugerah
Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Khas Ketua Pesuruhjaya.
30 Mac 2017

“Saya telah melontarkan **TIGA
permintaan kepada masyarakat,**

1

Agar masyarakat **MEMBENCI
rasuah,**

2

Agar masyarakat **MENOLAK rasuah,**

3

Agar masyarakat **BERSAMA-SAMA SPRM
memerangi rasuah,**

“ Saya tidak mahu SPRM hanya dilihat sebagai satu agensi kerajaan,
jentera kerajaan dan sebagai alat kerajaan, namun SPRM haruslah
dikenali dan dilihat oleh masyarakat sebagai agensi, jentera dan alat
untuk rakyat.”

“ Untuk mewujudkan suasana kegerahan, kita akan melakukan revolusi
untuk memerangi rasuah dan salah guna kuasa secara menyeluruh
bersama rakyat Malaysia. Maka, pada hari ini, saya dengan penuh iltizam
serta perjuangan yang tinggi dan membara mengisytiharkan satu gerakan
yang diberi nama ‘Gerakan GERAH’ atau akan dikenali sebagai Gerakan
Revolusi Anti Rasuah.”

“ Seramai

2,000

**orang pegawai akan turun
padang secara serentak pada hari dan
waktu yang sama pada setiap bulan
tanpa gagal di seluruh negara untuk
menyampaikan mesej revolusi agar terus
membiaik dan tersebar luas di setiap
lapisan masyarakat”.**

“Manakala

Kempen 3J,

**‘Jangan Huluq, Jangan Kawtim dan
Jangan Settle’ juga merupakan
gerak kerja yang akan dilancarkan
agar membina minda masyarakat
untuk bersama-sama dengan
SPRM dalam memerangi
rasuah”.**

**WAWANCARA BERSAMA
 DATO' HJ. AZAM BIN BAKI
 TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (OPERASI)**
 PADA 3 JANUARI 2017, SELASA.



Soalan 1:
Boleh Dato' ceritakan latar belakang kerjaya serta pengalaman pahit manis Dato' sebagai pegawai siasatan SPRM?

Saya mula berkhidmat di Badan Pencegah Rasuah pada 24 Disember 1984. Kemudian saya menyertai kursus asas bermula 1 Januari sehingga 30 Mac 1985. Selepas tamat kursus, saya ditugaskan di Cawangan Siasatan Am di ibu pejabat BPR. Ketika itu, kami berkongsi kereta, tiada telefon bimbit semasa bertugas. Namun, walaupun logistik dan keanggotaannya tidak ramai, pegawai-pegawai BPR tetap menjalankan tugas dan berdedikasi tinggi seperti biasa. Bagi saya, SPRM merupakan satu agensi yang mana ia betul-betul komited. Sepanjang penubuhan BPR, kita boleh lihat rekod kejayaan kes-kes yang dilaporkan, banyak tangkapan besar, tangkapan VIP dan sebagainya.

Ketika saya menghadiri temuduga di SPRM dahulu, saya merupakan graduan lepasan bidang kejuruteraan. Tetapi memandangkan ketika itu, keadaan agak susah untuk mendapatkan pekerjaan, saya terus terima apabila ditawarkan untuk menjadi pegawai BPR. Sepanjang bertugas menjalankan siasatan, saya sangat seronok dan berminat untuk melaksanakan tugas. Saya bermula dengan jawatan Penolong Pegawai Siasatan P29 di ibu pejabat BPR. Kemudian, pada bulan November 1989, saya berpindah ke BPR Kelantan. Selepas 10 tahun saya berada di Kelantan, saya berpindah ke Perak selama 7 tahun bermula dari tahun 2000. Dan pada tahun 2007, saya kembali bertugas di ibu pejabat SPRM.

Soalan 2:
Dato' pernah bertugas di SPRM negeri seperti Kelantan dan Perak. Jadi, apa pandangan Dato' tentang pegawai negeri dan pegawai di ibu pejabat SPRM? Mungkin Dato' boleh jelaskan dari segi bekerja secara berpasukan.

Pada pendapat saya, dari segi bekerja secara berpasukan, pegawai-pegawai SPRM di negeri lebih rapat berbanding pegawai-pegawai di ibu pejabat. Mungkin suasana dan tempat bekerja yang membuatkan ia agak berbeza. Semasa saya di BPR

Kelantan, saya akui memang tidak ramai pegawai di pejabat. Oleh sebab itu, kami sering berjumpa dan berbincang. Biasanya kami akan mengadakan *meeting*. Kami akan berbincang tentang hal pentadbiran, hal operasi dan sebagainya. Namun apabila di ibu pejabat, ia lebih moden, masing-masing agak sibuk dengan hal masing-masing. Kebanyakan pegawai selepas menyelesaikan tugas, masing-masing akan balik dengan segera. Mungkin hal ini kerana setiap pegawai mempunyai hal masing-masing yang harus diselesaikan.

Soalan 3:

Boleh Dato' kongsikan tentang penglibatan Dato' secara langsung dalam transformasi operasi SPRM sekaligus merintis kepada kejayaan operasi sekarang?

Kalau kita imbas kembali tentang BPR, pada pandangan saya, BPR adalah satu badan yang berjaya. Sejak penubuhan kita pada tahun 1967 hingga sekarang, banyak pencapaian dan kejayaan telah dicapai. BPR telah ditukarkan kepada SPRM pada tahun 2009. Sebenarnya sebelum itu pun kita sudah ada transformasi secara tidak langsung. Terutama sekali transformasi dari segi undang-undang. Pada tahun 1988, akta baharu telah diperkenalkan iaitu Akta Pencegahan Rasuah 1997, di mana ia diwartakan pada tahun 1988. Kemudian ia menjadi satu suruhanjaya pada tahun 2009. Selain itu, pada pandangan saya juga, banyak transformasi telah dilaksanakan di SPRM apabila berlakunya isu kematian Teh Beng Hock. Pada saya, SPRM perlu bersatu dan melakukan perubahan yang lebih baik serta melupakan persepsi orang ramai. Hal ini juga kerana isu-isu yang telah berlaku banyak dipolitikkan.

Dalam transformasi operasi, sebanyak 7 bidang telah ditubuhkan. Salah satunya adalah bidang perisikan. Ia bertujuan untuk penambahbaikan. Dan kita perlu melihat kepada gerak kerja, SOP yang ada kerana kita ingin memenuhi kehendak masyarakat dan suasana ketika itu. SPRM perlu bertindak dengan lebih agresif. Contohnya kita perlu lihat pada *method* siasatan yang ada. Secara ringkasnya, *method* siasatan terbahagi kepada dua. Salah satunya adalah *re-active*. Ia bermaksud kita menunggu dan menanti orang ramai datang untuk membuat aduan. Kalau dahulu, memang masyarakat berani dan sudi tampil melaporkan sebarang aduan. Oleh itu, siasatan akan berjalan dengan lancar dan dengan adanya bukti-bukti yang kukuh, ia akan membantu siasatan. Namun apa yang saya nampak sekarang, dunia sudah berubah. Masyarakat tidak lagi berani untuk tampil memberi kenyataan dan kerjasama dengan pihak SPRM. Atau mungkin masyarakat sibuk dengan hal masing-masing. Oleh itu, langkah-langkah *pro-active* perlu dipertingkatkan. Kita tidak perlu menunggu *complaint* daripada orang ramai tetapi kita boleh bertindak berdasarkan maklumat-maklumat yang kita generate sendiri ataupun kita memperolehi maklumat daripada masyarakat.

Soalan 4:

Dato' merupakan pemenang untuk 'Champion of Intelligence Based Investigation'. Saya yakin tangkapan di Sabah baru-baru ini merupakan satu kejayaan yang besar dalam 'Intelligence Based Investigation'. Jadi, bagaimana ia boleh diguna pakai dalam operasi kes sedemikian?

Kebiasaan penggunaan *Intelligence Based Investigation* penting kerana ia dapat digunakan ketika mengukur

keterangan di mahkamah. Bagi saya, penggunaan ini perlu dipertingkatkan lagi pada akan datang. Contohnya dalam perisikan. Ia harus digunakan sebelum penyiasatan yang betul-betul bermula. Iaitu penyiasatan sebenar yang agresif. Sebelum ini, memang banyak kes rasuah yang kita telah guna pakai *Intelligence Based Investigation*. Contohnya kes Ops Water di Sabah, kes KBS dan Ops Bauksit. Kebanyakan yang terlibat berjaya ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah. Di situ kita boleh lihat, bagaimana pegawai-pegawai perisikan mengumpul maklumat, membuat kerja-kerja intelligence dan akhirnya memudahkan ramai pihak ketika siasatan dijalankan. Berkemaan kes di Sabah baru-baru ini, ia merupakan satu penemuan wang yang terbesar dalam sejarah SPRM. Dan pada pendapat saya, sekiranya kita tidak menggunakan *intelligence* yang berkesan, sudah pasti kita tidak dapat membongkar satu kes yang sebegini besar.

Soalan 5:

Boleh Dato' kongsikan tentang tanda aras atau hala tuju sektor operasi SPRM pada tahun ini?

Pada tahun 2017, operasi siasatan dan perisikan akan lebih menumpukan kepada sektor awam, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta institusi perbankan. Ia selaras dengan hasrat Ketua Pesuruhjaya SPRM. Pada pendapat saya, isu rasuah di kalangan sektor awam masih lagi berada di tahap serius dan perlu ditangani. Dan dalam pada itu, kes-kes pada masa akan datang adalah tertumpu seperti saya nyatakan tadi dan fokusnya adalah di sektor perolehan dan sektor agensi penguatkuasaan.

Soalan 6

Dato' pernah membuat pengumuman tentang pengisytiharan harta dan kemudian berturut-turut kes rasuah yang berjaya dibongkarkan. Dan baru-baru ini, dalam akhbar atas talian, Dato' ada menyatakan bahawa pihak SPRM memfokuskan amaran kepada mereka yang bermain golf di luar negara. Oleh itu, adakah selepas ini, trend ini akan mengikut kes-kes yang lebih kurang sama daripada sebelumnya?

Pendekatan SPRM biasanya berdasarkan kepada isu-isu semasa dan pada masa yang sama, kita juga masih melihat kepada isu perolehan dan agensi penguatkuasaan. Pada pendapat saya, kedua-dua isu ini penting kerana banyak berlaku ketirisan di negara kita. Antara mereka yang sering kita memberikan perhatian adalah pegawai-pegawai kerajaan. Ditambah pula dengan keadaan ekonomi yang tidak stabil, SPRM perlulah melibatkan diri dan memfokuskan kepada isu-isu ketirisan. Oleh itu, kita harus melihat kembali kepada kaedah-kaedah siasatan. Dan juga mengenalpasti ciri-ciri mereka yang melakukan rasuah. Contohnya, hidup mewah, bermain golf, mempunyai teman wanita dan sebagainya. Sebagai pegawai kerajaan, mereka haruslah memperjelaskan punca wang yang mereka dapat. Dari situ juga, kita akan mempertikaikan cara hidup mereka dan mendapatkan maklumat terperinci. Kita juga akan lihat mereka memperoleh pelbagai kemewahan daripada hasil dan punca yang tidak betul. Bagi saya, bermain golf adalah satu *indicator* yang menunjukkan orang itu mempunyai ciri-ciri mengamalkan rasuah dan salah guna kuasa. Contohnya, sebelum ini, kebanyakan maklumat yang kita dapat adalah berkaitan pegawai-pegawai kerajaan yang turut ke luar negara dan bermain golf di sana serta melibatkan orang-orang kenamaan. Antaranya adalah mereka yang mempunyai jawatan

tinggi dan pekerjaan yang bagus seperti kontraktor, pembekal dan sebagainya.

Soalan 7:

Boleh Dato' ceritakan tentang keseluruhan pencapaian sektor operasi pada tahun 2016 berbanding pada tahun-tahun yang lepas?

Secara keseluruhannya, pada tahun 2016, ia merupakan satu tahun yang banyak mencapai kejayaan berbanding tahun-tahun yang lain. Saya tidak mengambil kira tentang statistik semata-mata, namun ingin saya tekankan bahawa pada tahun 2016, kejayaan-kejayaan SPRM merupakan hasil komitmen dan titik peluh pegawai-pegawai SPRM itu sendiri terutamanya di bahagian operasi seluruh negara. Manakala berdasarkan statistik untuk tahun 2016, sebanyak 982 kertas siasatan telah dibuka. Tangkapan dijalankan terhadap 932 orang dan seramai 258 orang yang dituduh. Berbanding tangkapan tahun 2015, tangkapan dibuat seramai 841 orang dan seramai 552 orang yang ditangkap pada tahun 2014.

Soalan 8:

SPRM juga telah terlibat dalam *Mutual Legal Assistance* dengan menjadi ketua agensi yang mengambil tindakan terhadap kes-kes yang berkaitan *money-laundering*. Oleh itu, apa pendapat Dato'?

Sejak bulan Ogos yang lalu, kita telah menggerakkan dan mempergiatkan team anti *money-laundering*. Apabila kita menyiasat kes rasuah, kita akan menggandingkan sekali dengan penyiasatan di bawah *money-laundering*. SPRM telah diiktiraf oleh FATF (*Financial Action Task Force*) yang berpusat di luar negara sebagai lead agency dalam menguatkuasakan anti *money-laundering* berbanding agensi-agensi penguat kuasa yang lain. Bagi saya, ini merupakan satu pengiktirafan antarabangsa yang patut kita semua banggakan.

Soalan 9:

Apakah pesanan Dato' untuk warga SPRM terutamanya buat pegawai-pegawai siasatan SPRM?

Saya ingin berpesan dan memohon kepada semua warga SPRM terutamanya kepada pegawai-pegawai siasatan SPRM supaya memandang SPRM sebagai satu tempat mencari rezeki. Bekerja dan berkhidmatlah dengan seikhlas hati. Dan saya juga ingin menekankan sekiranya didapati warga SPRM yang melakukan salah guna kuasa, saya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan.



**WAWANCARA BERSAMA
 DATO' SHAMSHUN BAHARIN BIN MOHD JAMIL
 TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (PENCEGAHAN)
 PADA 19 JANUARI 2017, KHAMIS**



Soalan 1:
Boleh Dato' ceritakan tentang perkembangan kerjaya Dato' di SPRM?

Saya mula bertugas di Badan Pencegah Rasuah pada 1 September 1984 dan kini telah berkhidmat selama hampir 33 tahun. Pada awalnya, saya telah diletakkan di Bahagian Cawangan Tindakan Khas di mana ia merupakan di bawah Bahagian Perisikan. Sepanjang perkhidmatan saya di SPRM, saya pernah bertugas di Kelantan dan juga di Perak. Kemudian saya kembali ke ibu pejabat SPRM dan pada 4 Oktober 2016, saya telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan SPRM.

Soalan 2:
Apabila dilantik sebagai Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan SPRM, ia merupakan satu jawatan di mana menuntut untuk mengadakan pelbagai program. Oleh itu, apakah sasaran atau tanda aras yang Dato' ingin capai?

Pada pandangan saya, apa sahaja pelaksanaan bahagian, kita perlu lihat kepada kehendak pengurusan tertinggi. Dan dalam melaksanakan tugas-tugas di sektor pencegahan, memang tidak akan lari daripada pelan strategik SPRM yang telah digubal untuk tahun 2017 sehingga 2020. Pelbagai usaha pencegahan yang efektif perlu dilaksanakan supaya kita dapat meningkatkan keyakinan masyarakat. Tentunya perkara-perkara ini kita lakukan untuk memastikan negara kita bebas daripada rasuah dan juga untuk mewujudkan budaya dan nilai membenci rasuah serta menolak rasuah di kalangan masyarakat Malaysia.

Selain itu, seperti sedia maklum, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad telah menggariskan peranan SPRM supaya lebih efektif bagi memastikan dalam masa tiga tahun, perkhidmatan awam akan bebas daripada isu rasuah dan salah guna kuasa. Antaranya, kita tekankan terhadap agensi penguatkuasa, pihak berkuasa tempatan dan agensi kawal selia serta swasta.

Soalan 3:

Dato' selalu dilihat aktif bersukan dan sering menonjolkan diri apabila melibatkan sukan atau dalam apa-apa sahaja aktiviti. Jadi, bagaimana Dato' melihat perlunya pegawai SPRM turut untuk aktif bersukan serta berkomunikasi dengan orang ramai dan pada masa yang sama untuk menyebarkan mesej anti-rasuah?

Bagi saya, sukan merupakan salah satu aktiviti yang dapat merapatkan silaturahim dan secara tidak langsung turut dapat mendekati masyarakat di luar sana. Di SPRM, walaupun kita masing-masing sibuk dengan tugas masing-masing, namun pelbagai aktiviti sukan sering dijalankan. Contohnya, aktiviti sukan di bahagian Pendidikan Masyarakat dan Pencegahan sering berlangsung. Saya juga berpendapat bahawa sebagai pegawai SPRM, kita bukan sahaja harus bijak melaksanakan tugas menyiasat tetapi haruslah aktif turun padang untuk bertemu masyarakat dan berinteraksi. Usaha ini juga salah satu cara untuk mendapatkan keyakinan masyarakat serta dapat memerangi rasuah.

Soalan 4:

Apakah pencapaian sektor pencegahan pada tahun 2016 berbanding tahun-tahun sebelumnya?

Pada tahun 2016, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan melaksanakan pemeriksaan dan menawarkan khidmat nasihat kepada kementerian, jabatan dan agensi untuk memastikan amalan sistem berjalan dengan lancar serta bertambah baik. Ia juga bertujuan untuk menutup ruang berlakunya isu rasuah dan salah guna kuasa.

Selain itu, antara pencapaianannya adalah dalam melaksanakan Ikrar Integriti Korporat (CIP). Ia merupakan satu dokumen yang membenarkan sesebuah syarikat atau organisasi membuat komitmen bagi mendukung prinsip pencegahan rasuah. Ia juga ibarat mempromosikan nilai-nilai ketelusan dan tadbir urus yang baik. Biasanya selepas enam bulan, kita akan memantau mereka yang menandatangani ikrar ini.

Manakala di Bahagian Pengurusan Integriti Awam, kita telah melibatkan penubuhan Unit Integriti di semua kementerian dan jabatan. Bahagian ini telah memainkan peranan dalam menyelaras dan membimbang program penginstitusian integriti oleh unit-unit integriti. Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 887 unit integriti telah ditubuhkan iaitu sebanyak 21 unit di peringkat organisasi, 42 unit di peringkat risiko sederhana, 824 unit di peringkat rendah, dan di peringkat risiko tinggi kebiasaannya ketua unit integriti adalah pegawai SPRM yang dipinjamkan.

Manakala di bahagian Pendidikan Masyarakat, antara inisiatif adalah penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah yang dilaksanakan di institut-institut pengajian tinggi. Dengan adanya kerjasama sebegini, ia dapat menyebarkan mesej anti-rasuah dan memberi pendidikan terutamanya tentang isu rasuah kepada para pelajar dan belia sebagai bekalan kepada mereka apabila memasuki alam pekerjaan kelak.



Soalan 5:

Apa pendapat Dato' tentang perkembangan media sosial dan kebanyakan maklumat sekarang disebarluaskan melalui media sosial?

Bagi saya, media sosial merupakan satu platform dan memainkan peranan penting dalam memerangi rasuah. Contohnya, dengan adanya media sosial, ia dapat menyebarluas mesej anti-rasuah serta berita-berita berkaitan rasuah. Di SPRM, kita memang sediakan platform untuk masyarakat untuk mengetahui perkembangan-perkembangan terkini tentang SPRM. Contohnya, portal SPRM, Facebook dan juga Instagram serta lain-lain. Walau bagaimanapun, pada pendapat saya, pihak yang menyampaikan berita-berita di media sosial mestilah mengesahkan apa sahaja fakta yang dikeluarkan atau disebarluaskan supaya salah faham dan kekeliruan dapat dielakkan di kalangan masyarakat.

Soalan 6:

Sesetengah masyarakat berpendapat bahawa SPRM memilih bulu ketika menyiasat. Apa jawapan Dato'?

Bagi saya, itu pendapat yang tidak tepat. Dalam usaha-usaha kita menyiasat rasuah, memang kita tidak pernah memilih bulu. Kita akan siasat sesiapa sahaja. Tanpa mengira kedudukan,pangkat dan sebagainya. As long as ianya memang berkaitan dengan rasuah, pasti kita akan siasat dan tangkap. Masyarakat tidak perlu gusar dan takut dengan peranan SPRM. Namun masyarakat harus faham, untuk mengadili sesuatu kes, ianya akan diputuskan oleh pihak mahkamah. Tugas SPRM hanya menjalankan siasatan semata-mata.

Soalan 7:

Kita tahu bahawa peranan penjawat awam di negara kita boleh membantu SPRM dalam memerangi rasuah. Adakah Dato' bersetuju?

Sebenarnya dalam kalangan penjawat awam, terdapat satu insentif sejak tahun 2011. Mereka yang melaporkan rasuah boleh diberikan insentif. Tujuan insentif ini adalah untuk menggalakkan para penjawat awam tampil melaporkan isu

rasuah dan salah guna kuasa.

Walau bagaimanapun, sejak tahun 2011 hingga sekarang, hanya 162 orang penjawat awam sahaja yang kiranya telah melaporkan rasuah. Kalau nak lihat perbandingan, ibarat penjawat awam ada 1.6 juta, yang melaporkan adalah 0.01 % sahaja yang berani laporkan pada SPRM. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada para penjawat awam di luar sana supaya berani tampil untuk melaporkan rasuah agar kesejahteraan negara terjamin.

Soalan 8:

Pada tahun 2017, pada pandangan Dato', kenapa pihak pengurusan tertinggi memilih untuk mendekati rakyat? Kenapa bukan mereka datang kepada kita? Contohnya seperti yang sedia maklum, pelbagai program bakal dilaksanakan seperti kenduri rakyat, program jelajah anti-rasuah dan sebagainya pada tahun ini.

Pada pendapat saya, kita sebenarnya memang memerlukan kerjasama yang tinggi daripada semua pihak untuk memerangi rasuah. Oleh itu, kita harus mewujudkan semangat kebersamaan dengan semua pihak terutamanya daripada masyarakat Malaysia. Kita juga mestilah mempergiatkan usaha pencegahan bersama masyarakat contohnya program kenduri rakyat, program jelajah anti-rasuah dan sebagainya. Ia selaras dengan Sambutan Ulang Tahun Jubli Emas SPRM yang ke-50 pada tahun ini. Dengan adanya sokongan dan kerjasama masyarakat, rasuah akan semakin menurun di negara ini dan keunggulan SPRM turut dipertahankan pada masa akan datang.

Muat turun aplikasi



di



Atau imbas kod ini



lo: Siasatan
ung April



Berita Dari AKHBAR

MELIBATKAN PENGURUSAN TERTINGGI AGAK SERIUS (UTUSAN MALAYSIA, 2 JANUARI 2017)

KUALA LUMPUR- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memandang serius tindakan penjawat awam bermain golf di luar negara khususnya dalam kalangan pengurusan tertinggi yang dikesan semakin menjadi-jadi sehingga menjuruskan kepada aktiviti rasuah.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Dato' Azam Bakri berkata, masalah tersebut telah berlanjut sejak dahulu sehingga berlakunya kegiatan rasuah dan penyelewengan. Menurut beliau, hasil maklumat, aktiviti bermain golf individu terbabit bukan sahaja dibayai mahal tiket penerbangan dan penginapan mereka juga ditanggung oleh golongan tertentu yang mempunyai kepentingan dan urusan rasmi dengan jabatan masing-masing.

"Kita tidak mahu menudung jari kepada sesiapa kerana siapa makan cili dia terasa pedasnya. "Jadi apa yang diperkatakan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad sememangnya serius kerana sebelum ini masalah itu sudah berkurangan namun kita lihat sudah kembali berulang," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

EJEN PERISIK JEJAK KES RASUAH, SALAH GUNA KUASA (BERITA HARIAN, 4 JANUARI 2017)

KUALA LUMPUR- Ejen perisik akan digunakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menghidiu dan menjelaki individu yang terbabit rasuah serta salah guna kuasa di sektor awam, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan perbankan tahun ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Dato' Azam Bakri, berkata kaedah menerusi Siasatan Berasaskan Risikan (IBI) itu jelas terbukti mendatangkan hasil lebih baik berbanding penyiasatan reaktif iaitu SPRM hanya bertindak berpandukan maklumat diterima daripada orang awam. Katanya, di sektor awam, agensi penguatkuasaan adalah komponen penting yang perlu diawasi memandangkan di situ banyak dilaporkan aktiviti rasuah dan salah guna kuasa.

SIMI DILANTIK PENGARAH BAHAGIAN SIASATAN SPRM (BERITA HARIAN, 4 JANUARI 2017)

PUTRAJAYA- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor, Dato' Simi Abd Ghani, dilantik sebagai Pengarah Bahagian Siasatan SPRM baharu berkuat kuasa semalam.

SPRM dalam satu kenyataan semalam, berkata pelantikan beliau untuk menggantikan Dato' Azam Bakri, yang dilantik sebagai Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM pada 4 Oktober tahun lalu.

TINDAKAN SETIAP MINGGU DZULKIFLI (UTUSAN MALAYSIA, 5 JANUARI 2017)

KUALA LUMPUR – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan melakukan penangkapan dan pendakwaan setiap terhadap individu yang terlibat dalam rasuah mulai minggu depan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad berkata, kedua-dua tindakan itu bukan sahaja akan melibatkan penjawat awam, tetapi juga individu lain termasuk mereka yang berada dalam syarikat milik kerajaan (GLC).

"Selepas ini pada setiap minggu akan ada tangkapan dan pertuduhan akan dibuat (ke atas pesalah rasuah). Saya akan mengotakjanji says seperti mana dalam wawancara bersama Minguan Malaysia bahawa tiada lagi amaran, hanya tindakan" katanya kepada Utusan Malaysia ketika dihubungi di sini, hari ini

EJEN PERISIK JEJAK KES RASUAH, SALAH GUNA KUASA (BERITA HARIAN, 4 JANUARI 2017)

KUALA LUMPUR- Ejen perisik akan digunakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menghidiu dan menjelaki individu yang terbabit rasuah serta salah guna kuasa di sektor awam, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan perbankan tahun ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Dato' Azam Bakri, berkata kaedah menerusi Siasatan Berasaskan Risikan (IBI) itu jelas terbukti mendatangkan hasil lebih baik berbanding penyiasatan reaktif iaitu SPRM hanya bertindak berpandukan maklumat diterima daripada orang awam. Katanya, di sektor awam, agensi penguatkuasaan adalah komponen penting yang perlu diawasi memandangkan di situ banyak dilaporkan aktiviti rasuah dan salah guna kuasa.



Berita Dari AKHBAR

SPRM KEDAH PANTAU PENJAWAT AWAM TERIMA TAJAAN PERCUTIAN

(Berita Harian, 13 Januari 2017)

ALOR SETAR-Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah memantau aktiviti rasuah membabitkan tajaan percutian untuk penjawat awam di negeri ini serta ahli keuarga mereka. Pengarahnnya, Dato' Mohd Fauzi Mohamad, berkata suapan dalam bentuk tajaan percutian oleh pihak berkepentingan itu diberikan kepada penjawat awam secara individu, malah turut membabitkan ahli keluarga dan tajaan kepada kakitangan organisasi. Tanpa menamakan individu atau jabatan terbabit, beliau berkata, siasatan dan pemantauan sedang dilanjutkan ke atas kes tajaan berbentuk demikian. "Kami mahu ingatkan semua pihak termasuk penjawat awam bahawa SPRM sentiasa memantau aktiviti berkaitan rasuah dalam apa bentuk sekali pun SPRM akan bertindak segera bagi memastikan mereka yang tiada integriti dan melanggar undang-undang, dikenakan tindakan tegas," katanya.

Bercakap pada sidang media di pejabatnya di sini, semalam, Mohd Fauzi berkata, seramai 76 individu termasuk 50 kakitangan awam ditahan dalam operasi SPRM Kedah sepanjang tahun lalu, kebanyakannya anggota di bahagian penguat kuasa.

LELAKI MENYAMAR PEGAWAI IMIGRESEN DIBERKAS SPRM

(Utusan Malaysia, 13 Januari 2017)

ALOR STAR -Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri memberkas seorang lelaki yang menyamar sebagai pegawai imigresen serta meminta rasuah daripada seorang pemilik syarikat agar tidak dikenakan tindakan kerana mengupah pekerja asing tanpa permit.

Pengarahnnya, Dato' Mohd. Fauzi Mohamad berkata, suspek berusia 52 tahun yang berasal dari Perak itu ditahan di tempat letak kereta sebuah pasar raya di sini pada pukul 12 tengah malam ketika berurus dengan mangsa berusia 27 tahun. Katanya, ketika ditahan suspek turut memiliki sepucuk pistol tiruan dipercayai digunakan untuk mengugut mangsa.

"Siasatan awal mendapati suspek cuba mengugut mangsa dengan habuan sebanyak RM2,000 agar tindakan tidak dikenakan ke atasnya kerana mengupah pekerja asing tanpa permit yang sah. "Kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini

KES ANNUAR: SPRM RAKAM PERCAKAPAN EMPAT LAGI INDIVIDU

(Mingguan Malaysia, 5 Februari 2017)

JOHOR BAHRU-Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (KUALA LUMPUR- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merakam percakapan empat lagi individu bagi membantu siasatan berhubung dakwaan penglibatan Tan Sri Annuar Musa dalam penyelewengan dan salah guna kuasa ketika menyandang jawatan Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Menurut sumber, jumlah itu menjadikan individu yang telah dirakam percakapan berhubung kes tersebut sehingga kini kepada sembilan orang termasuk Annuar sendiri. "Buat masa ini pasukan penyiasat SPRM sedang mengumpul lebih banyak maklumat berhubung kes tersebut. Mereka juga dalam proses meneliti dan mengkaji dokumen-dokumen serta invois yang dirampas sebelum ini," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

MAHB SENIOR GM REMANDED

(New Straits Times, 24 Februari 2017)

PUTRAJAYA - A Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) senior general manager, who allegedly abused his position to obtain RM80,000 worth of skin and slimming treatment for himself, was remanded for four days by the magistrate's court yesterday. The remand order, issued by magistrate Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab against the 41 year old suspect, was to assist the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) in its investigation. He is being investigated under Section 23 of the MACC Act 2009. The senior general manager at the human resources department was arrested at his home in Bandar Tun Razak, Cheras, at 11am on Wednesday.

ANAK EXCO JOHOR DITAHAN KES RASUAH

(Berita Minggu, 26 Februari 2017)

JOHOR BAHRU-Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan enam individu, termasuk anak EXCO kerajaan negeri dan membekukan 45 akaun bank bernilai RM15.5 juta dalam skandal rasuah dan penyelewengan hartanah di Johor. Yang dirampas termasuk 21 kereta mewah, lima motosikal berkuasa tinggi dan wang tunai RM500,000. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Dato' Azam Bakri, berkata suspek berusia 25 hingga 50 tahun ditahan di beberapa lokasi di bandar raya ini dalam operasi serentak kira-kira jam 8.30 pagi, semalam.

LENSA



Lawatan Sambil Belajar Exposure Training on Law and Administration Delegasi Bangladesh ke SPRM

19 JANUARI 2017

Lawatan Kerja Delegasi Parliamentary Institute of Cambodia ke SPRM

24 JANUARI 2017



LENSA



PROGRAM ZIARAH KASIH BALING, KEDAH

18 & 19 FEBRUARI 2017





APA ITU IKRAR BEBAS RASUAH?

- Merupakan inisiatif baru SPRM dalam memastikan kepimpinan organisasi atas kapasiti individu bebas daripada rasuah.
- Merupakan kesinambungan daripada Ikrar Integriti Korporat (CIP) yang ditandatangani oleh agensi dalam memastikan kepimpinan dalam sesbuah organisasi mengamalkan integriti dan bebas daripada gejala rasuah.
- Berteraskan konsep "kepimpinan melalui teladan" yang mana ianya dimulakan oleh ketua agensi.
- Inisiatif yang membantu ketua agensi memastikan pegawai di bawah seliaannya menjalankan tugas dengan penuh berintegriti dan bebas daripada rasuah.

OBJEKTIF

- Memastikan kepimpinan organisasi bebas daripada amalan rasuah dan mewujudkan budaya berintegriti berteraskan kepada prinsip "kepimpinan melaui teladan".
- Memastikan keseluruhan sumber manusia dalam pentadbiran kepemimpinan organisasi memahami dan mematuhi undang-undang negara terutama yang berkaitan dengan rasuah.
- Melahirkan komitmen dan kesediaan pemimpin organisasi untuk memerangi sebarang amalan rasuah secara komprehensif tanpa mengambil kira latar belakang dan jawatan.
- Memastikan agenda integriti dan pencegahan rasuah dilaksanakan secara berterusan dan berstrategi agar dapat membebaskan organisasi yang dipimpin daripada skandal rasuah dan penyelewengan.



LHDNM AGENSI PERTAMA LAKSANA IKRAR BEBAS RASUAH



Warga kerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) merupakan agensi kerajaan pertama menyahut seruan SPRM dengan mengambil inisiatif menandatangani Ikran Bebas Rasuah (IBR) di Cyberjaya pada 11 Januari lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad berharap ini akan menjadi titik mula kepada keterlibatan agensi-agensi kerajaan serta organisasi-organisasi swasta yang lain untuk tampil menawarkan diri secara sukarela bagi menandatangani 'Ikran Bebas Rasuah'.

Menerusi program ini juga dapat mewujudkan satu rangkaian kerjasama antara SPRM dan LHDNM dalam usahasama secara berterusan bagi memerangi rasuah dan salah guna kuasa kerana mana-mana individu yang terlibat dengan rasuah dan salah guna kuasa bukan sahaja akan diambil tindakan di bawah Akta SPRM 2009 (Akta 694), malah diambil tindakan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53), khususnya berkaitan kesalahan pengelakan bayaran cukai.

Ketua Eksekutif LHDNM, Datuk Sabin Samitah dan seramai 150 orang kakitangan LHDNM menandatangani Ikran Bebas Rasuah tersebut.

AGROBANK INSTITUSI PERBANKAN PERTAMA TANDATANGAN IBR

Agrobank merupakan Institusi Pembangunan Kewangan pertama menandatangani Ikran Bebas Rasuah (IBR) pada 26 Februari lalu. Inisiatif ini berlangsung di Ayer Keroh melambangkan komitmen Agrobank dalam menyokong usaha memerangi rasuah oleh Kerajaan Malaysia dan SPRM. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil berkata penglibatan warga kerja Agrobank dalam majlis berkenaan jelas mencerminkan komitmen bagi memastikan institusi tersebut dan negara ini bersih dan bebas daripada belenggu jenayah rasuah serta salah guna kuasa.

Majlis melafaz dan menandatangani IBR diketuai oleh Ketua Pegawai Perkhidmatan Agrobank, Mad. Yusof Yazid dan disaksikan oleh Pengerusi Agrobank, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal serta Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil. Kira-kira 300 kakitangan Agrobank hadir dalam Majlis Menandatangani IBR bersempena 'Agrobank Managers Convention'.



AGENSI AWAM DI SELURUH NEGARA MULA LAKSANA IKRAR BEBAS RASUAH

Beberapa agensi awam di seluruh negara mula melaksanakan Ikran Bebas Rasuah (IBR), antaranya di Selangor, Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU) Selangor mencatat sejarah apabila menjadi Pejabat Penasihat Undang-Undang pertama di Malaysia yang menyahut seruan dan mengambil inisiatif melaksanakan IBR.

Di Pahang, lebih 400 orang kepimpinan daerah Rompin yang terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan, ahli Majlis Daerah Rompin, ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan ahli Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) daerah Rompin menyertai majlis menandatangani dan lafaz IBR yang telah diketuai oleh Pegawai Daerah Rompin, Tuan Mohd Zulkifli Hashim dan disaksikan oleh Pengarah SPRM Pahang, Dato' Tan Kang Sai.

Sementara itu di Sabah, Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) muncul sebagai agensi kedua di negeri itu yang melaksanakan IBR. Manakala dalam satu majlis berasingan di Kota Kinabalu, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah (PPPN) turut menyahut seruan SPRM untuk melaksanakan IBR.

ALL SPRM ▶

MAJLIS MENANDATANGANI KPI



Pengurusan Tertinggi, Pengarah-pengarah Bahagian dan Pengarah-pengarah Negeri Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menandatangani Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2017 pada 5 Januari lalu di ibu pejabat SPM.

Majlis diadakan bersempena Perhimpunan Bulanan Khas SPRM dan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad dalam ucapannya berkata KPI 2017 yang ditandatangani menandakan komitmen warga SPRM untuk bertugas dan melaksanakan tanggungjawab dan amanah dengan bersungguh-sungguh. Beliau turut mengingatkan warga kerja SPRM tidak memandang enteng mengenai KPI 2017.

TEH TARIK SESSION ERAT HUBUNGAN KETUA PESURUHJAYA DAN WARGA KERJA SPRM

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad telah menganjurkan program 'Teh Tarik Session' bersama warga SPRM bertempat di Pejabat Ketua Pesuruhjaya SPRM pada 7 Februari lalu.

Program ini diadakan untuk memberi ruang dan peluang kepada para pegawai dan kakitangan SPRM meluahkan permasalahan, cadangan, dan pendapat bagi

memperkasakan sistem pengurusan SPRM dari semasa ke semasa selain dapat beramah mesra dengan pegawai dan kakitangan SPRM.

Datuk Dzulkifli berkata sokongan warga kerja amat penting dalam memastikan gerak kerja berada pada landasan yang betul untuk merealisasikan visi dan misi SPRM dalam memerangi rasuah.



KP SPRM LAKUKAN LAWATAN MENGEJUT KE AGENSI KERAJAAN UNTUK DEKATI RAKYAT



Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Dzulkifli Ahmad meluangkan masa kira-kira sejam bertemu orang ramai di jabatan-jabatan kerajaan bertujuan mengenalpasti isu-isu rasuah dan salah guna kuasa di kalangan masyarakat, di Kompleks Perhentian Kajang, Jalan Reko, Kajang pada 14 Februari lalu.

Dalam lawatan mengejut tersebut, Datuk Dzulkifli telah melawat Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Beliau berkata, SPRM ingin mendekati rakyat secara menyeluruh untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dari segi isu rasuah dan salah guna kuasa. Pendekatan tersebut juga adalah untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat bahawa SPRM sentiasa ada bersama-sama mereka dalam memerangi jenayah rasuah.

PPPR KUNJUNGI HRDF

Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) yang diketuai oleh Pengurusnya, Tan Sri Ismail Adam telah melakukan kunjungan ke atas Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) bertempat di Wisma HRDF, Kuala Lumpur.

Antara tujuan kunjungan ini diadakan adalah bagi memperjelaskan tentang kewujudan PPPR sebagai salah satu badan bebas yang bertanggungjawab memantau perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya terutama Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah dan Panel Penilaian Operasi. Sementara itu, Ketua Eksekutif HRDF, Dato'CM Vignaesvaran Jeyandran turut membentangkan isu-isu semasa berkaitan perancangan pembangunan HRDF kepada PPPR terutamanya berkaitan integriti.

SPRM ERAT HUBUNGAN BERSAMA PENGAMAL MEDIA

Pada 27 Januari lalu, SPRM Negeri Selangor telah menganjurkan Program Bersama Media Selangor 2017 di mana ianya bertujuan menghargai jasa dan sumbangan pengamal media khususnya rakan media di negeri Selangor yang sentiasa membantu SPRM dalam menyebarluas mesej anti-rasuah dan liputan kes-kes mahkamah.

Antara wakil media yang turut serta adalah Bernama, Kosmo, Utusan, Sinar, Bernama TV dan The Star.

PROGRAM ZIARAH KASIH BERLANGSUNG MERIAH



Sokongan padu dan kerjasama yang diberikan oleh masyarakat Kampung Sadek kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan Program Ziarah Kasih telah berlangsung dengan jayanya di Baling pada 18 Februari lalu.

Ita terbukti apabila program yang julung kali diadakan tersebut disertai seramai 400 penduduk kampung seawal 6 pagi bagi persiapan program kemasyarakatan itu. Program diilhamkan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM itu turut disertai pengurusan tertinggi dan pengarah setiap bahagian dan negeri.

Selain menyediakan kenduri, pelbagai aktiviti dan sukan turut diadakan seperti membersihkan kubur, memotong rumput dan acara tarik tali.

Sepanjang program berlangsung, sorakan para penduduk menerusi aktiviti yang dijalankan telah mencerminkan semangat kesukanan dan perpaduan yang terjalin antara masyarakat dan SPRM.

Pada masa yang sama, penglibatan pengurusan tertinggi juga menunjukkan keprihatin dan tanggungjawab sosial pihak SPRM mendekati rakyat dan membantu golongan yang memerlukan.



SKIM CEPAT KAYA: LEGASI CHARLES PONZI (BAHAGIAN SATU)

Oleh: Mohamad Tarmize bin Abdul Manaf

"Labur, duduk diam-diam, dapat duit"

Pernahkah anda mendengar janji-janji di atas? Cuma perlu melabur sejumlah wang dan tidak perlu membeli apa-apa. Kemudian, tunggu keuntungan lumayan yang bakal diterima.

Sekiranya ada pihak cuba menawarkan skim serupa, anda perlu berhati-hati. Selalunya skim yang dalam kategori 'too good to be true' atau terlalu bagus ini, akan berakhir dengan kekecewaan. Pelaburan kepada skim yang menipu pasti akan merugikan.

Sekiranya berasas baik, anda akan mendapat keuntungan. Bagaimanapun, tanpa disedari, anda sebenarnya telah menyumbang kepada kejayaan satu jenayah kewangan. Anda menjadi sebahagian jenayah yang dilakukan. Keuntungan anda adalah hasil kerugian pihak lain.

Pelaburan sebegini berkemungkinan besar adalah serupa dengan 'skim cepat kaya'. Nama dan konsepnya sahaja diubah, bertujuan untuk mengelirukan pelabur. Apakah skim cepat kaya ini? Tahukah anda, siapa pencipta skim yang telah menipu beribu manusia itu?

Skim Ponzi

Skim cepat kaya sebenarnya bukan perkara baharu di negara kita. Dalam dunia penjenayah, ia dikenali sebagai Skim Ponzi.

Skim Ponzi adalah satu bentuk penipuan dalam aktiviti pelaburan. Skim ini menjanjikan pelabur untuk menerima pulangan yang lumayan, dengan risiko yang amat rendah.

Sebenarnya, pelabur lama akan mendapat pulangan melalui wang yang dilaburkan oleh pelabur baharu. Skim ini akan terus mendapat pulangan selagi ada pelabur baharu. Apabila tiada lagi pelabur baharu, skim ini akan musnah dengan sendirinya. Pelabur yang tidak sempat menerima pulangan akan mengalami kerugian besar.

Skim Ponzi lebih kurang sama dengan Skim Piramid. Kedua-duanya menggunakan wang pelabur baharu untuk memberi pulangan kepada pelabur awal. Perbezaannya,

pengurus Skim Ponzi akan menerima semua pelaburan dan mengagihkan pulangan kepada pelabur-pelaburnya. Dalam Skim Piramid, pelabur akan menerima pulangan terus bergantung jumlah pelabur baru yang berjaya ditarik ke dalam skim itu.

Skim Ponzi yang bijak ini diambil sempena nama penciptanya, Charles Ponzi. Beliau memulakan skim ini sekitar tahun 1919.

Siapa Charles Ponzi?

Carlo Pietro Giovanni Guglielmo Tebaldo Ponzi atau Charles Ponzi (3 Mac 1882 - 18 Januari 1949) dilahirkan dan dibesarkan di Itali. Beliau terkenal sebagai ahli perniagaan dan penipu (con artist) di Amerika Syarikat dan Kanada.



Pietro Giovanni
Guglielmo Tebaldo
Ponzi atau Charles
Ponzi

Dari Itali, Charles Ponzi ke Boston, Amerika Syarikat pada 15 November 1903, dengan berbekalkan wang poket hanya \$2.50. Dalam satu temu bual oleh The New York Times, beliau dipetik berkata, "I landed in this country with \$2.50 in cash and \$1 million in hopes, and those hopes never left me".

Sejak berhijrah, Charles Ponzi melakukan pelbagai kerja untuk meneruskan hidup. Menjadi pencuci pinggan dan

pelayan di restoran sehingga jurubank di Banco Zarossi Bank. Hidup beliau kembali menjadi tidak menentu setelah Banco Zarossi Bank bankrup.

Charles Ponzi hilang punca pendapatan sehingga memaksa beliau terlibat dengan jenayah. Charles Ponzi ditangkap polis apabila cuba menunaikan satu cek palsu berjumlah \$423.58. Akibatnya, beliau terpaksa meringkuk di penjara selama tiga tahun di St. Vincent-de-Paul Federal Penitentiary, Montreal, Kanada.

Setelah dibebaskan pada tahun 1911, beliau kembali ke Amerika Syarikat. Sekali lagi beliau terlibat dengan jenayah. Kali ini dengan sindiket penyeludupan imigran Itali ke Amerika Syarikat. Beliau ditangkap dan dipenjarakan di Atlanta Prison selama dua tahun.

Selepas dibebaskan, Charles Ponzi kembali ke Boston, Amerika Syarikat. Beliau berkahwin dengan Rose Gnecco pada 1918.

Bermulanya Skim Ponzi

Kehidupan Charles Ponzi berubah apabila beliau menerima sepuak surat daripada sebuah syarikat di Sepanyol, yang mengandungi international reply coupon (IRC). IRC adalah kupon yang boleh ditukarkan antara sesama negara ahli Universal Postal Union (UPU), dengan setem yang mempunyai nilai lebih tinggi, mengikut tukaran mata wang negara terbabit.

Charles Ponzi melihatnya sebagai satu peluang untuk mendapat keuntungan. Beliau mendapat idea untuk melabur dengan membeli IRC di negara yang mempunyai nilai rendah. Mendapat untung dengan menukar setem yang lebih mahal di negara lain.

Idea tersebut bukan sahaja mengubah kehidupan Charles Ponzi, malah memahat namanya dalam sejarah dunia.

Daripada pelaburan secara kecil-kecilan dengan sahabat handai, Charles Ponzi meluaskan perniagaannya. Beliau mula melantik ejen-ejennya di luar negara.

Charles Ponzi mengirim wang kepada ejen-ejennya untuk membeli IRC yang mempunyai harga rendah. IRC itu akan dihantar semula ke Amerika Syarikat. Beliau menukarkan

IRC dengan setem yang mempunyai nilai lebih mahal. Seterusnya setem tersebut dijual untuk mendapat untung. Pendapatan Charles Ponzi pernah mencecah 400% bagi setiap jualan.

Yakin dengan aktiviti yang semakin menguntungkan itu, Charles Ponzi mula mencari pelabur-pelabur. Beliau menjanjikan pulangan sebanyak 50% dalam tempoh 45 hari, atau 100% dalam tempoh 90 hari.

Skim ini menerima sambutan hangat kerana pelabur awal menerima pulangan seperti mana dijanjikan. Charles Ponzi sebenarnya menggunakan wang yang dilaburkan oleh pelabur seterusnya untuk memberi pulangan kepada pelabur awal. Kaedah ini secara mudahnya disebut dalam frasa Inggeris sebagai 'robbing Peter to pay Paul' (merompak daripada Peter untuk membayar Paul).

Manipulasi tersebut menjadikan Charles Ponzi kaya-raya. Beliau membeli sebuah rumah agam di Lexington, Massachusetts, dilengkapi penghawa dingin dan kolam air panas. Semasa era kemuncaknya, Charles Ponzi dikatakan memperoleh pendapatan sebanyak \$250,000 sehari.

Kejatuhan Charles Ponzi

Aktiviti Charles Ponzi terbongkar apabila akhbar The Boston Post mula melakukan siasatan terhadap skim tersebut sekitar bulan Ogos 1920. Akhirnya Charles Ponzi ditangkap pada 12 Ogos 1920 dan didakwa atas 86 pertuduhan kerana penipuan pos (mail fraud) berjumlah \$7 juta.

Keruntuhan skim Charles Ponzi menyebabkan kerugian \$20 juta kepada pelabur-pelaburnya. Beliau dijatuhkan hukuman 14 tahun penjara. Charles Ponzi meninggal dunia di Rio de Janeiro, Brazil pada 18 Januari 1949.

Skim yang dimulakan oleh Charles Ponzi terus hidup selepas kematiannya. Banyak penipuan pelaburan menggunakan kaedah yang dimulakan oleh Charles Ponzi ini. Berikut adalah dua legasi Charles Ponzi yang akan terus dikenang dalam sejarah dunia.

Bersambung.....





Daulat Tuanku



Sembah Tahniah

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN MUHAMMAD V**

D.K., D.M.N., D.K. (Selangor), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Johor), D.K. (Perak), D.K. (Perlis),
D.K. (Kedah), D.K. (Terengganu), S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K.

di atas pertabalan sebagai

SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KE-XV

pada

13 Disember 2016 bersamaan 13 Rabiulawal 1438 H

Ikhlas Daripada

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia